



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 August 2015

# PM umum peruntukan RM20j kepada 13 NGO

um - 12/8/2015

**PUTRAJAYA 11 Ogos** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk disalurkan kepada 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terpilih bagi menjalankan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.

Beliau berkata, dana itu akan diuruskan secara tersusun dan telus melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) bersesuaian dengan peranannya sebagai sebuah badan yang mengelola agenda ekonomi Bumiputera.

Katanya, semua NGO yang menerima dana tersebut akan ditentukan secara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) masing-masing selain diwujudkan akaun sendiri supaya dapat dipantau oleh Teraju dengan lebih jelas dan tersusun.

"Kita juga mahu melihat keberkesanan program yang akan dilaksanakan oleh semua NGO berkenaan dan kita berharap program ini akan menjadi pelengkap terhadap apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelantikan rakan kongsi penyampaian Teraju di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Terdahulu Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di bangunan yang sama.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh.

Pada majlis tersebut, Najib telah menyampaikan watakah pelantikan Rakan Kongsi Penyampaian

Teraju kepada 13 NGO iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) serta Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM).

Turut menerima watakah, Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan Profesion Malaysia (Peniagawati), Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (Usahanita) dan Majlis Tindakan Ekonomi Bersatu (MTEM).

Pertubuhan Usahawan Bumiputera Negeri Sabah (DUBNS), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazan Dusun Sabah (KCCI), Dewan Usahawan Bumiputera (DUBS) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI) juga menerima watakah.

Dalam perkembangan berkaitan Najib berkata, penyaluran dana itu merupakan satu kaedah bagi menggerakkan komuniti Bumiputera dengan lebih menyeluruh lagi terutama untuk membantu mencapai agenda pemerkasaan ekonomi golongan tersebut.

Walau bagaimanapun katanya, program seumpama itu tidak boleh ada jangkaan bahawa akan berjalan selama-lamanya.

"Kita mesti faham bahawa program ini ada jangka hayatnya yang terhad. Apa yang perlu dalam masa beberapa tahun akan datang kita harus gunakannya secara maksimum yang boleh membantu usaha kita untuk mencapai agenda nasional pemerkasaan ekonomi Bumiputera secara kolektif dan bersepadu.

"Mudah-mudahan program kita ini secara umumnya akan mencapai tujuan dan objektif tersebut," ujarnya.